

Pengajaran Kefahaman Membaca Secara Kreatif Dan Inovatif

Yasmin Azahari

yasmin_azahari@schools.gov.sg

Norashikin Abdul Hamid

norashikin_abdul_hamid@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Sengkang Green

Abstrak

Aktiviti membaca kerap kurang diberikan perhatian dan tumpuan oleh murid. Hal ini menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami teks bacaan khususnya dalam kefahaman membaca. Hal ini juga menjejaskan prestasi murid dalam mengenal pasti idea-idea utama dan sampingan bagi menjawab soalan-soalan kefahaman objektif dan subjektif. Kajian ini memfokuskan strategi pengajaran kefahaman secara berstruktur dan kreatif. Kajian ini mendapati bahawa usaha guru membina soalan-soalan mengikut aras kognitif taksonomi Bloom, menggunakan rutin berfikir yang disarankan dalam Menjadikan Pemikiran Jelas, dan pelaksanaan pembelajaran kooperatif berjaya meningkatkan kualiti jawapan dan seterusnya prestasi murid dalam kefahaman membaca.

Kata kunci: kefahaman, taksonomi Bloom, rutin berfikir, pembelajaran kooperatif

PENGENALAN

Membaca merupakan kemahiran bahasa utama yang perlu dikuasai murid selain daripada kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Pada usia awal, murid mendengar apa yang dibaca oleh ibu bapa dan cuba memahami bahan yang dibaca kerana tidak mempunyai kebolehan untuk membaca secara sendiri. Setelah memiliki kemahiran membaca, murid membaca bahan-bahan terkawal yang diberi oleh ibu bapa, guru dan ahli keluarga yang lain. Pada usia remaja, mereka diberi kebebasan untuk memilih bahan bacaan yang ingin mereka teroka berdasarkan minat keperluan mereka. Namun secara umum, minat membaca dalam kalangan murid sering berkurangan. Dengan kemajuan teknologi, membaca buku yang dicetak semakin kurang popular dalam kalangan murid. Mereka lebih gemar menggunakan peranti untuk bermain, berinteraksi dalam talian, menonton video, mendapatkan informasi dan bermacam-macam lagi. Bahan bacaan bercetak yang tidak bergerak dan tidak mempunyai grafik dan animasi dianggap membosankan.

Lantaran itu, murid sering tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa membaca. Mereka mudah berasa bosan dan tidak menganggap membaca buku sebagai aktiviti penting. Akibat sikap dan pandangan yang negatif ini, bahan yang dibaca tidak dapat difahami sepenuhnya. Apabila disoal berkenaan kandungan bahan yang dibaca, murid tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Selain itu, mereka juga keliru dengan pendaya yang diberi untuk komponen kefahaman objektif dan mereka langsung tidak dapat mengenal pasti baris-baris ayat yang mengandungi jawapan untuk komponen kefahaman subjektif.

PERNYATAAN MASALAH

Guru-guru mendapati bahawa murid menghadapi masalah memahami kandungan teks lantas tidak dapat memberikan jawapan tepat atau lengkap bagi soalan yang dikemukakan. Pada masa yang sama, murid hilang minat membaca akibat pemahaman yang terjejas. Menggunakan gabungan pendekatan taksonomi Bloom, Menjadikan Pemikiran Jelas, penyusun grafik, kuiz dan juga program dalam talian, pengkaji dapat menyediakan beberapa strategi yang berbeza-beza untuk membantu murid memahami teks yang dibaca dan menjawab soalan-soalan yang diajukan. Murid dapat melakukan aktiviti-aktiviti ini secara berkumpulan dan individu secara bertahap-tahap. Strategi-strategi yang menarik ini diajarkan kepada murid untuk memudahkan proses pembelajaran kefahaman membaca.



TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. membantu murid meningkatkan prestasi mereka dalam komponen kefahaman membaca dengan menggunakan kaedah-kaedah yang menarik dalam pembelajaran kefahaman; dan
2. melihat keberkesanan teknik 'Baca dan Faham' bagi memperkukuh pemahaman murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman.

KAJIAN LEPAS

Klare (1995), menyatakan bahawa terdapat empat faktor yang boleh mempengaruhi perkembangan kefahaman membaca seseorang murid:

1. Tahap kefahaman yang diperlukan. Hal ini dikaitkan dengan kemahiran kefahaman yang berbeza yang memerlukan jenis dan tahap pemikiran yang berbeza.
2. Kefahaman berlaku dalam bentuk satu kontinum berdasarkan kepanjangan atau jumlah isi penerangan yang diperlukan oleh seseorang untuk membaca pada tiap-tiap satu ketika. Kebanyakan murid tidak mengalami masalah membaca cerita-cerita pendek, namun apabila diberi sebuah bahan bacaan seperti yang sama tahap kesukarannya, murid tersebut mengalami berbagai-bagai masalah membaca dan memahami kerana jumlah isi kandungan dalam novel tersebut terlalu banyak untuk diingat. Jumlah isi dalam teks mempengaruhi pemahaman murid kerana selalunya ujian-ujian kefahaman standard kepanjangan teks yang pendek berbeza dengan keratan bacaan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah yang selalunya lebih panjang dan padat isi kandungannya.
3. Tahap kesukaran bahan bacaan ringkasnya kebolehbacaan teks juga mempengaruhi kefahaman. Kebolehbacaan pula dipengaruhi oleh kepanjangan dan kepadatan ayat, dan juga bilangan perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan.
4. Selain daripada faktor-faktor di atas, latar belakang dan pengalaman sedia ada murid merupakan satu faktor kesediaan yang mempengaruhi kefahaman.



Cabaran ini telah membenarkan pengkaji mencari cara terbaik untuk meningkatkan keberkesanan membaca dengan tahap pemahaman yang tinggi (Van Keer dan Pierre, 2005). Amalan pengajaran telah beralih daripada andaian bahawa kefahaman ialah kemahiran yang dikuasai dengan menggunakan peraturan yang tertentu (Dole, 2000). Sebaliknya, kini pengkaji berpendapat bahawa walaupun pemahaman bergantung pada perkembangan murid, ia perlu diajar dengan jelas (Van Keer dan Pierre, 2005).

Kajian juga menunjukkan bahawa pengajaran kefahaman membaca di dalam kelas lebih berkesan sekiranya guru mengambil langkah yang proaktif dalam merancang pengajaran, di mana murid dapat membaca dan memahami teks serta menjawab soalan-soalan yang diberikan. Ini kerana pengajaran yang mempunyai pelibatan murid secara aktif dapat menarik minat di samping memastikan pengajaran yang dijalankan tidak membosankan.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah pengajaran secara eksplisit yang diterajui oleh Rosenshine (1985) telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah pengajaran ini dipilih untuk memudahkan pelaksanaan PdP secara lebih berstruktur, sistematik dan menekankan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa murid. Pengkaji juga menerapkan kaedah pembelajaran kooperatif dengan menggunakan strategi *Round Robin* sebagai salah satu aktiviti berkumpulan. Pembelajaran kooperatif dapat menggalakkan murid berinteraksi dan berkomunikasi secara aktif dengan rakan-rakan untuk berbincang dan menjana idea bersama agar pengetahuan yang diraih dapat ditambah nilai. Pengkaji juga menggunakan penyusun grafik peta buih yang merupakan salah satu daripada '8 Peta Pemikiran' bagi menggalakkan murid menyusun idea mereka dengan lebih jelas.

Dapatan kajian secara kuantitatif melalui borang refleksi murid membantu pengkaji mendapatkan maklum balas dari murid mengenai kaedah-kaedah yang digunakan di dalam PdP. Dapatan kuantitatif tersebut memperlihatkan peningkatan dari segi keyakinan dan kemampuan murid berfikir secara mendalam bagi menjawab soalan-soalan kefahaman.

Untuk meningkatkan keberkesanan PdP dalam kajian ini, penerapan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) diambil kira. Jadual 1 menjelaskan elemen-elemen aspek pengajaran (AP) dan aktiviti mengajar (AM) STP yang telah dilaksanakan dalam kajian ini. Semua AP dan AM yang dipilih disesuaikan dengan objektif pelajaran dan keperluan murid.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP 15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p> <p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p>	<p>AM1: Pelibatan Menerusi Kerjasama Dan Interaksi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti yang dilakukan melalui SLS melibatkan kerjasama antara murid. • Guru akan mengingatkan murid peraturan semasa kerja kumpulan dijalankan agar murid mengambil giliran, bekerjasama dan membaca secara aktif. <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru melakukan tunjuk cara bagi memastikan murid mengetahui dan memahami apa yang akan dipelajari. Tunjuk cara juga bertujuan untuk merangsang minat murid untuk terus mengikuti pelajaran dengan tekun. • Guru memastikan penerangannya jelas supaya murid dapat melakukan tugas seperti yang dikehendaki. Selain itu, guru menggunakan soalan-soalan panduan untuk mendapatkan pelibatan murid dan menilai pemahaman mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	<p>AM1: Kongsi Pembelajaran Saya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru mendapatkan beberapa orang murid untuk memberi pandangan tentang aktiviti-aktiviti yang mereka rasa sudah dapat membantu mereka dalam komponen-komponen kefahaman, contohnya membaca dan memahami, kata kunci, mengenal pasti isi utama dan sebagainya.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Guru melakukan tunjuk cara untuk memastikan murid dapat memahami dan mengikuti pelajaran dengan baik serta meningkatkan keyakinan mereka untuk melakukan tugas yang diberi. Murid juga dapat meningkatkan penilaian secara sendiri apabila aktiviti mengajar 'Kongsi Pembelajaran Saya' diterapkan agar murid dapat berkongsi pengalaman pembelajaran mereka dengan rakan sebaya.	

Soalan Kajian

Beberapa soalan kajian telah dibina:

1. Bagaimanakah cara memastikan murid memahami apa yang mereka baca?



2. Apakah pendekatan-pendekatan relevan dan menarik yang dapat digunakan untuk meningkatkan minat murid supaya suka membaca?
3. Bolehkah penggunaan peranti dalam talian membuat pembelajaran kefahaman menarik?
4. Dapatkah pakej BaHam (Baca dan Faham) bahan yang merangkumi strategi-strategi berbeza yang berpandukan STP, membantu meningkatkan kebolehan murid dalam pelajaran kefahaman?

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 25 orang murid Darjah 4 yang mengambil Bahasa Melayu. Murid mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza iaitu prestasi pada aras boleh dan di bawah aras boleh. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana pengkaji mendapati murid kerap kali tidak dapat memahami isi teks yang dibaca. Murid kurang menunjukkan minat. Mereka kurang menumpukan perhatian semasa membaca teks, dan menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan-soalan pemantauan yang guru ajukan. Murid yang dipilih agak lemah apabila menjawab soalan kefahaman objektif dan juga subjektif.

Instrumen Kajian

Kelakonan murid diantau berdasarkan dua penilaian. Penilaian pertama merupakan penilaian berbentuk formatif kerana guru menilai pemahaman murid semasa aktiviti di dalam kelas. Melalui aktiviti-aktiviti BaHam yang dijalankan, guru dapat melihat sejauh mana murid memahami teks yang dibaca. Aktiviti rangsangan yang digunakan sewaktu pelajaran BaHam dapat menunjukkan sejauh mana murid memahami teks yang dibaca.

Penilaian seterusnya merupakan penilaian sumatif di mana guru akan mengambil kira markah kefahaman peperiksaan akhir tahun. 80% orang murid yang terlibat harus menunjukkan peningkatan sebanyak 3 markah dalam peperiksaan akhir tahun berbanding dengan peperiksaan pertengahan tahun bagi komponen kefahaman subjektif dan juga objektif.

Prosedur Kajian

Guru menggunakan carta '*Feasibility Against Effectiveness*' dalam pemilihan idea yang terbaik dan berkesan. Idea-idea yang telah dicatat tadi akan dikategorikan mengikut empat golongan iaitu:

Petak 1: Mudah untuk dilaksanakan/praktikal namun bukan sesuatu yang berkesan

Petak 2: Mudah untuk dilaksanakan dan merupakan sesuatu yang sangat



berkesan

Petak 3: Tidak praktikal, sukar untuk dilaksanakan dan bukan sesuatu yang berkesan

Petak 4: Tidak praktikal, sukar untuk dilaksanakan tetapi merupakan sesuatu yang

berkesan

Carta ini membantu para guru agar dapat melihat dengan lebih jelas sama ada idea yang dipilih itu sesuatu yang baharu, mudah untuk dilaksanakan dan juga dapat memastikan pembelajaran yang berkesan.

Rajah 1: Pemilihan Peranti Yang Sesuai

		Keberkesanan Peranti	
		Paling Kurang	Paling Banyak
K E B O L E H L A K S A N A N A N	Paling Banyak	Kebolehlaksanaan Paling Tinggi/ Paling Kurang Berkesan <ul style="list-style-type: none">• Lembaran kerja: Booklet kefahaman• Contoh jawapan kefahaman untuk setiap latihan• 'Frontal teaching'	Kebolehlaksanaan Paling Tinggi/ Paling Berkesan <ul style="list-style-type: none">• Gabungan beberapa aktiviti mengajar dalam STP dan juga melibatkan beberapa peranti dalam pengajaran kefahaman
	Paling Kurang	Kebolehlaksanaan Paling Kurang/ Paling Kurang Berkesan <ul style="list-style-type: none">• Kursus menjawab soalan-soalan kefahaman	Kebolehlaksanaan Paling Kurang/ Paling Berkesan <ul style="list-style-type: none">• Tidak ada

Rajah 1 merupakan panduan dalam memilih alat dan kaedah yang paling sesuai dalam mengatasi masalah yang dihadapi murid. Guru menggunakan masa yang diperuntukkan untuk mencatat idea-idea yang dapat dijalankan bagi mengatasi masalah tersebut. Setelah mencatat idea-idea yang dapat dijalankan demi kebaikan murid, semua guru akan berbincang dan seterusnya memilih idea yang paling sesuai untuk menangani masalah yang dihadapi.

Selain daripada kaedah Pengajaran Secara Eksplisit, pengkaji juga berpandukan Amalan Pengajaran Singapura (STP). Guru menggunakan

komponen STP ini untuk melakar dan menghasilkan pakej pengajaran yang padat. Guru juga menggunakan teknik-teknik pembelajaran kooperatif untuk menjalankan pengajaran yang menarik dan efektif. Berdasarkan langkah-langkah yang telah ditetapkan, guru mengharapkan agar pakej ini dapat memenuhi keupayaan murid yang pelbagai.

Jadual 2: Langkah-Langkah Pengajaran

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran
Langkah 1	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menerangkan topik yang akan diajar kepada murid. 2. Guru menulis kriteria sukses di papan putih/slaid.
Langkah 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memulakan pelajaran kefahaman membaca dengan mengenalkan tema kepada murid. 2. Guru boleh menggunakan video/gambar/bercerita untuk mengaitkan dengan topik kefahaman. 3. Guru menggunakan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) untuk mencungkil pemahaman murid berdasarkan klip video yang ditonton.
Langkah 3	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memberi teks kefahaman kepada murid dalam kertas bersaiz A3 sebagai - 'Pasport Bacaan'. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan setiap murid membaca secara aktif. 2. Teks yang terdapat pada Pasport Bacaan mengandungi ruang kosong di mana murid perlu mengisinya. 3. Guru memainkan audio dan murid perlu mengisi ruang kosong yang terdapat pada teks dengan memilih jawapan yang sesuai untuk diisi. 4. Murid mendengar audio bacaan guru sambil membaca Pasport Bacaan. Murid memilih jawapan yang tepat untuk setiap ruang kosong yang terdapat pada teks bacaan. 5. Strategi <i>Round Robin</i> digunakan untuk memastikan yang setiap murid mengambil giliran untuk melengkapkan aktiviti yang diberi. Dengan menggunakan strategi ini, guru juga dapat mengesan kesilapan setiap murid. 6. Guru menyemak jawapan bersama murid. Teks yang lengkap setelah diisi ruang kosong dengan perkataan/frasa merupakan teks kefahaman yang akan digunakan untuk pelajaran kefahaman membaca.



Langkah 4	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk memastikan setiap murid memahami apa yang dibaca, guru mengadakan Kuiz Cepat Tepat' yang hanya mengambil masa 5 hingga 7 minit sahaja. 2. Guru menggunakan Kuiz Cepat Tepat yang dimuatnaikkan di portal SLS. Murid perlu mengambil giliran untuk menjawab soalan-soalan kuiz. 3. Strategi <i>Round Robin</i> digunakan untuk memastikan yang setiap murid mengambil giliran untuk melengkapkan aktiviti yang diberi. Dengan menggunakan strategi ini, guru juga dapat mengesan kesilapan setiap murid. 4. Kuiz Cepat Tepat mengandungi 10 soalan berdasarkan teks yang dibaca. 5. Soalan-soalan yang diaju merupakan soalan LOTS yang mudah dan ringkas serta hanya berfungsi untuk memberikan tumpuan pada beberapa perkara yang terdapat di dalam teks.
Langkah 5	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid secara berkumpulan diberi soalan-soalan berdasarkan taksonomi Bloom mengenai teks yang baru dibaca. 2. Murid perlu menjawab soalan-soalan tersebut menggunakan templat A3: susunan grafik - Peta Buih yang disediakan. 3. Strategi <i>Round Robin</i> digunakan untuk memastikan yang setiap murid mengambil giliran untuk melengkapkan aktiviti yang diberi. Dengan menggunakan strategi ini, guru juga dapat mengesan kesilapan setiap murid. 4. Guru juga boleh memilih untuk menggunakan templat penyusun grafk yang lain untuk menjalankan aktiviti ini. 5. Aktiviti ini berfungsi untuk membantu murid menjawab soalan-soalan aras berlaianan dalam taksonomi Bloom (soalan-soalan Lots dan Hots) yang selaras dengan format penilaian sumatif. 6. Pada masa yang sama, dengan adanya perancangan, proses ini memudahkan murid memahami kehendak soalan dan kata-kata kunci yang terdapat pada batang soalan. 7. Guru menyemak jawapan bersama murid.
Langkah 6	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berdasarkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dilalui, murid perlu mengaplikasikan apa yang telah dipelajari. 2. Guru memberi teks dan soalan yang sama kepada murid untuk diselesaikan sebagai kerja rumah

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji dapat menjalankan kajian ini dalam jangka masa satu semester. Kajian ini dilakukan tiga kali setiap penggal. Melalui satu tinjauan yang dijalankan, 100% murid Darjah 4 menunjukkan motivasi semasa pelajaran kefahaman membaca kerana penggunaan peranti dalam talian, aktiviti kerja kumpulan yang menggunakan soalan-soalan taksonomi Bloom dan juga kepelbagaian

kemahiran yang digunakan semasa menjalankan aktiviti seperti menonton, mendengar, berbincang dan sebagainya.

Murid berpendapat bahawa dengan menggunakan kaedah ini minat mereka untuk membaca, memahami dan menjawab kelihatan meningkat. Ini kerana membaca, memahami dan menjawab soalan menjadi satu aktiviti yang lebih menarik dan bermakna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menunjukkan minat, dan PdP menjadi lebih berkesan apabila teknik-teknik yang sesuai dimasukkan ke dalam rancangan pengajaran.

Dapatan berdasarkan borang refleksi murid seperti di dalam Jadual 3 berikut menunjukkan bahawa 100% murid setuju bahawa pengajaran kefahaman membaca menggunakan kaedah ini memberi murid keyakinan, pembelajaran yang lebih berkesan dan membolehkan mereka berfikir secara mendalam semasa membaca dan apabila menjawab soalan kefahaman. Melalui pemantauan guru semasa proses PdP dan penelitian hasil kerja murid, 100% murid dapat mengikuti kaedah yang diajar dan berusaha untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Jadual 3: Borang Refleksi Murid

No	ITEM	BERJAYA	MASIH MENCUBA
1	Saya dapat memahami teks yang dibaca dengan adanya aktiviti mendengar klip audio dan juga Kuiz Cepat Tepat.	100%	0%
2	Pelajaran yang diajar oleh guru sungguh seronok.	100%	0%
3	Dengan bimbingan guru, saya dapat mengesan kata kunci dalam soalan dan mencari jawapan berdasarkan kata-kata kunci tersebut.	75%	25%
4	Aktiviti Kuiz Cepat Tepat membolehkan saya menyemak semula apa yang telah saya baca di dalam teks yang disediakan.	100%	0%
5	Saya suka aktiviti yang menggunakan penyusun grafik - Peta Buih kerana ia membantu saya mencari jawapan (sekurang-kurangnya 2 daripada 5 soalan) dengan lebih mudah.	100%	0%

N = 25 murid

Pada keseluruhannya, murid menunjukkan minat dalam membaca dan bersemangat untuk menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan dengan teks. Ini ketara semasa murid diberi Pasport Bacaan. Hampir kesemua



ruang kosong yang terdapat pada Pasport Bacaan itu dijawab dengan betul. Tambahan pula, sewaktu menjawab soalan-soalan dalam Peta Buih, hampir semua jawapan dapat dipadankan dengan tepat. Data ini menunjukkan bahawa murid membaca secara aktif dan dapat memahami kandungan teks dan kehendak soalan. Murid menunjukkan minat yang memberangsangkan kerana kaedah dan strategi yang digunakan dalam PdP berbeza-beza dan memberi murid ruang untuk menyemai dan menyerlahkan kebolehan mereka.

Pendekatan *Round-Robin* juga membantu murid untuk berinteraksi dan berbincang dengan ahli kumpulan untuk sama-sama memahami apa yang dibaca dan menjawab soalan-soalan berkenaan bahan yang dibaca. Konsep kerjasama dan saling bantu-membantu memudahkan murid untuk melaksanakan tugas yang dianggap sukar dan membosankan setelah berkongsi dan berbincang dengan ahli kumpulan mereka.

Walaupun murid menunjukkan peningkatan dalam markah yang diperoleh untuk komponen kefahaman membaca, mereka masih perlu lebih banyak pendedahan dan latihan. Seandainya murid dapat melalui sebanyak sepuluh sesi sebegini setiap tahun, dalam masa empat tahun (Darjah 3 hingga 6) murid pasti berjaya melalui sebanyak 40 sesi. Guru juga ingin mengaitkan aktiviti ini dengan aktiviti bacaan yang dijalankan secara dwimingguan. Guru berharap ini dapat memupuk dan mengekalkan lagi kemahiran membaca, memahami dan menjawab soalan kefahaman membaca dalam kalangan murid-murid.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa dengan berlandaskan STP, rancangan pengajaran yang teliti dan berkesan dapat dihasilkan. Penggunaan beberapa elemen aspek pengajaran dan aktiviti mengajar, membantu guru dalam merancang pakej kajian secara teliti dengan mengambil kira kesemua aspek pengajaran. Pengkaji lebih prihatin tentang pembelajaran dan pencapaian murid. Pengkaji berjaya mengambil kira aspek-aspek penting yang perlu dipertimbangkan dalam melakarkan rancangan pelajaran yang dapat membantu murid mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Hal ini jelas dilihat melalui analisis data yang dikumpulkan secara kuantitatif. Murid juga dapat memahami apa yang dibaca kerana aktiviti yang disediakan merangsang minat untuk terus cuba membaca dan memahami. Selain itu, Kuiz Cepat Tepat juga merupakan satu alat menarik yang dapat membantu murid untuk menyemak semula pemahaman mereka berkenaan teks yang dibaca. Terakhir, aktiviti yang menggunakan penyusun grafik peta buih berasaskan soalan-soalan daripada jenis LOTS kepada HOTS mengikut aras taksonomi



Bloom juga membantu membina perancangan bagi murid-murid menjawab soalan dengan tepat dan lengkap mengikut format penilaian sumatif. Aktiviti peta buih juga mengajar murid cara menjawab soalan dengan tepat dengan mencari kata kunci yang terdapat pada batang soalan dan teks. Lantas, tidak mustahil untuk murid memperoleh markah yang agak baik kerana pembelajaran yang berkesan ini dapat menimbulkan minat dan pembelajaran kefahaman membaca yang berkesan.

Hasil dapatan kajian bukan sahaja memaparkan peningkatan dalam markah yang diperoleh murid untuk komponen kefahaman membaca, malah keberkesanan penggunaan strategi-strategi ini juga terserlah. Murid lebih bertenaga belajar di dalam kelas dan guru dapat menjalankan pengajaran kefahaman membaca dengan lebih mudah. Pada masa yang sama, aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat meningkatkan proses pemikiran murid. Kesimpulannya, murid kini lebih yakin dan sudah mampu untuk mengikut pelajaran tanpa rasa bosan.

RUJUKAN

Brookfield, S. (2006). *The skillful teacher: On technique, trust, and responsiveness in the classroom* (2nd ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

<http://www.teachingwithamountainview.com/2014/03/fiction-comprehension.html>

<http://sciencesite.16mb.com/Bloom's%20Taxonomy%20Original%20and%20Revised%20by%20Mary%20Forehand.pdf>

